

PM TAK PENIAGA₂

COM 23 MAR 1986
KUALA LUMPUR 22 Mac — **Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad** berkata, kerajaan tidak begitu senang melihat perkembangan dalam kegiatan ekonomi sekarang di mana terdapat penjaja - penjaja asing yang kadang - kala mengambilalih peluang perniagaan penjaja tempatan.

Perdana Menteri menegaskan, dalam ekonomi meleset sekarang, sepatutnya peluang menjaja dan berniaga kecil dipergunakan sepenuhnya oleh warganegara negara ini sendiri.

"Kerajaan tidak senang hati dengan tindakan pendatang-pendatang haram yang kini seakan-akan merebut peluang warganegara negara ini untuk menjalankan kegiatan menjaja dan berniaga kecil," ujarnya.

Perdana Menteri berucap merasmikan Persidangan Perwakilan Dwi Tahunan Gabungan Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Malaysia ke-28, di sini, hari ini.

Beliau menarik perhatian, dalam keadaan di mana berlaku banyak pengangguran, kerajaan mahukan warganegaranya sendiri menggunakan peluang - peluang untuk menceburi bidang perniagaan.

"Kita mahu perniagaan kecil ini diuruskan oleh warganegara kita sendiri," tambahnya.

Di majlis yang sama, Perdana Menteri juga mengumumkan bahawa Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan \$30 juta kepada kerajaan - kerajaan negeri bagi membantu para peniaga dan penjaja kecil.

Beliau berkata, kerajaan menganggap kegiatan para penjaja dan peniaga kecil itu sebagai salah satu usaha untuk membasmi kemiskinan di negara ini.

"Kerajaan juga sedang mengkaji rancangan untuk memberi bantuan kewangan sebagai modal permulaan kepada para penjaja dan peniaga kecil daripada semua kaum," kata beliau.

Bagaimanapun, katanya, kerajaan belum menetapkan peruntukan yang akan disediakan sebagai bantuan modal ini.

Menurut Perdana Menteri bantuan ini akan diberikan terutamanya kepada penjaja - penjaja dan peniaga kecil yang baru hendak memulakan perniagaan mereka tetapi menghadapi masalah modal.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, kerajaan juga telah memutuskan untuk memudahkan kaedah pengeluaran lesen kepada para penjaja dan peniaga kecil oleh pihak - pihak berkuasa kerajaan tempatan.

Bagaimanapun, beliau berkata pihak berkuasa kerajaan tempatan terletak di bawah pengawasan kerajaan - kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan akan menasihati kerajaan negeri mengenainya.

Beliau berkata, kerajaan mengakui kepentingan para penjaja dan peniaga kecil terutamanya dalam keadaan ekonomi negara meleset sekarang dan kerajaan tidak pernah berniat untuk menghalang kegiatan mereka.

"Dengan masalah pengangguran dan pembuangan tenaga kerja sekarang, mereka yang terlibat dengan masalah itu boleh merebut peluang dengan memulakan kegiatan menjaja dan berniaga kecil

LIHAT MUKA 11

SEMANG ASING

PM tak senang peniaga asing

dan tidak terus memandag kepada perniagaan yang mendatangkan untung besar sahaja," tegas Perdana Menteri.

Di samping memandag kegiatan para penjaja dan peniaga kecil penting, kerajaan juga ingin melihat taraf hidup mereka yang terlibat terus meningkat, katanya.

Perdana Menteri berka-

ta, kerajaan telah membe-
lanjakan banyak wang un-
tuk menyediakan kemu-
dahan kepada para penja-
ja dan peniaga kecil
dengan membina gerai -
gerai yang lebih sempurna
dan selesa.

"Para penjaja dan pe-
niaga kecil daripada semua
kaum perlu bekerjasama
untuk memastikan keber-
sihan tempat perniagaan

untuk menarik minat para
pelancong terutamanya
menjelang Persidangan
PATA akan datang," kata
Datuk Sri Dr. Mahathir.

Beliau berkata, kerajaan
akan menasihati kerajaan -
kerajaan negeri untuk
membentuk jawatankuasa
yang mewakili kepenting-
an para penjaja dan penia-
ga kecil dalam pihak - pi-
hak berkuasa kerajaan
tempatan negeri berkena-
an.

Datuk Sri Dr. Mahathir

berkata, kerajaan meng-
anggap kegiatan para pen-
jaja dan peniaga kecil se-
bagai sebahagian daripada
cara hidup rakyat negara
ini.

Beliau berkata, ini ter-
bukti kerana walaupun ge-
dung - gedung perniagaan
dibina di sana - sini, ma-
syarakat daripada segenap
lapisan masih bertumpu
kepada para penjaja dar-
peniaga kecil kerana harga
jualan mereka yang ren-
dah.